

Bahagian A: Baca soalan dan pilih jawapan yang betul serta bulatkannya.


- 1 Pilih perlakuan berkaitan nilai kesederhanan.
- A Babu menghabiskan kesemua wang belanja sekolah hariannya
 - B Siew memukul adiknya yang terambil pennya
 - C Chong keluar bersama kawan-kawannya hingga larut malam
 - D Singh menyiapkan semua kerja sekolahnya sebelum menonton televisyen.
- 2 Perbuatan _____ adalah contoh perbuatan menjaga maruah diri yang digalakkan oleh agama.
- A beradab sopan
 - B meninggikan diri
 - C berlagak sombong
 - D menipu
- 3 Kita hendaklah _____ di atas jasa dan pengorbanan bapa kemerdekaan negara, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.
- A bertimbang rasa
 - B mengenang budi
 - C berterima kasih
 - D berkongsi cerita
- 4 Berikut merupakan kebaikan amalan jujur dalam kehidupan kecuali _____
- A Dipercayai oleh rakan dan masyarakat sekeliling
 - B Dapat menjalankan tanggungjawab dengan amanah
 - C Dapat membantu orang tua dengan ikhlas
 - D Dipandang mulia oleh masyarakat

(08 markah)

Bahagian B: Tulis [RAJIN] bagi individu yang sanggup berkorban demi kejayaan dan [MALAS] bagi sebaliknya.

<i>Bilangan</i>	<i>Situasi</i>	<i>RAJIN / MALAS</i>
1	Hisham menonton televisyen setiap malam tanpa mengulang kaji pelajarannya.	
2	Suzy berjaya memasuki universiti apabila memperolehi 10 A dalam ujian SPM hasil usaha gigihnya belajar.	
3	Ong suka ponteng kelas tambahan yang diadakan di sekolah.	
4	Aidil sering bertanya kepada guru tentang masalah Matematik yang tidak difahaminya.	
5	Encik Halim melakukan dua pekerjaan dalam sehari untuk menambahkan pendapatan keluarganya.	
6	Ah Meng tidak mahu menolong ibunya menjaga kedai semasa ibunya sedang sakit.	
7	Siva membiarkan kasut sekolahnya kotor dan tidak mahu mencucinya.	
8	Siti menggosok baju sekolahnya sendiri sebelum turun ke sekolah.	
9	Nani asyik berkaraoke dengan kawan-kawannya dan mengabaikan kerja rumah yang diberi oleh guru.	
10	Hafiz berlatih bersungguh-sungguh untuk memenangi pertandingan nyanyian itu.	

(10 markah)

Bahagian C: Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 1 Penebangan pokok yang berlebihan boleh menyebabkan hakisan _____.
- 2 Tumbuh-tumbuhan membekalkan _____ yang amat diperlukan dalam kehidupan kita.
- 3 Surat khabar, botol kaca dan plastik merupakan bahan-bahan yang boleh di _____.
- 4 Pembuangan _____ ke dalam sungai boleh menyebabkan kehidupan air musnah.
- 5 Asap kenderaan dan asap dari kilang boleh menyebabkan _____ nipis.

(5 markah)


Bahagian D: Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (x) pada pernyataan yang salah.

- 1 Pembakaran terbuka akan menyebabkan pencemaran udara ()
- 2 Pembuangan sampah ke dalam sungai akan mengakibatkan pencemaran air. ()
- 3 Kita tidak digalakkan untuk berkongsi kereta. ()
- 4 Penggunaan pengangkutan awam banyak menyusahkan kita ()
- 5 Pokok-pokok boleh menghalang berlakunya hakisan tanah. ()
- 6 Raju berdiri tegak ketika menyanyikan Lagu Negaraku. ()

- 7 Siti mengalas lantai dengan menggunakan Jalur Gemilang. ()
- 8 Mariam menyanyikan Lagu Negaraku ketika duduk dalam kelas. ()
- 9 Prabu berhenti bermain di badminton apabila terdengar nyanyian Lagu Negaraku. ()
- 10 Suzi dan Siaw Wei leka menari, walaupun Lagu Negaraku sedang dimainkan. ()

(10 markah)

Bahagian E: Lengkapkan peta buih di bawah



(5 markah)

Bahagian F: Tuliskan BETUL atau SALAH.

- 1 Seorang pegawai polis meminta duit untuk tidak memberi saman. ()
- 2 Pegawai kerajaan sangat jujur dalam melaksanakan kerjanya. ()
- 3 Ahli sukan negara mengharumkan negara tanpa mengharapkan apa-apa balasan. ()
- 4 Pemimpin negara yang baik ialah pemimpin yang tidak menyalahgunakan kuasa. ()


(4 markah)

Bahagian G: Lengkapkan jadual dengan pilihan jawapan yang sesuai.

Menjaga kedaulatan Negara	Menjaga imej Negara	Melahirkan rasa syukur
Mewujudkan keamanan dan kemakmuran Negara	Mewujudkan sifat jati diri cintakan Negara	

CARA-CARA MENGHORMATI NEGARA	KEPENTINGAN MENGHORMATI NEGARA
1.	1.
2.	2.
	3.

(10 markah)

Bahagian H: Padankan tokoh negara berikut dengan jasa mereka.

- Memenangi pelbagai anugerah peringkat antarabangsa di dalam bidang lakonan dan pengarah filem.



- Tokoh Budaya Peringkat Antarabangsa
- Profesor Diraja Ekonomi
- Mengasaskan Universiti Malaya



- Merangkul pingat perak di Olimpik 2008, 2012 dan 2016
- Pemain No 1 dunia



- Angkasawan Negara
- Rakyat Malaysia pertama menjejakkan kaki ke stesen angkasalepas

(8 markah)

Bahagian I: Nyatakan 2 perasaan bagi setiap situasi di bawah.

SITUASI	PERASAAN
1 Membuat bunyi bising semasa perayaan berjalan.	1. _____ 2. _____
2 Meletakkan kenderaan di tempat yang sesuai semasa perayaan.	1. _____ 2. _____
3 Membuang sampah merata-rata selepas semasa majlis berjalan .	1. _____ 2. _____
4 Membuat rumah terbuka dan menjemput jiran-jiran.	1. _____ 2. _____
5 Memberi ucapan sempena sesuatu perayaan.	1. _____ 2. _____

(5 markah)

Bahagian J: Jawab soalan-soalan di bawah

- 1 Apakah perayaan-perayaan besar yang biasanya disambut di Malaysia?

- 2 Berikan dua cara bertolak ansur semasa perayaan diadakan ?
 - a) _____
 - b) _____
- 3 Apakah kesan jika kita bertoleransi semasa perayaan disambut ?

(3 markah)

Bahagian K: Gariskan jawapan yang tepat

- 1 Kita mestilah (bertoleransi / berterima kasih) sewaktu menyambut perayaan.
- 2 Beri (sekatan / laluan) ketika perarakan satu-satu perayaan dijalankan.
- 3 Kita mestilah menjaga (kebersihan / kekotoran) selepas majlis perayaan berlangsung.
- 4 Amalan bertolak ansur adalah amalan yang (jahat / mulia).
- 5 Toleransi boleh membawa (keresahan / keamanan) di kalangan penduduk setempat.

(5 markah)

Bahagian L: Nyatakan cara-cara menghormati Jalur Gemilang dan Lagu Negaraku.

- 1 _____
- 2 _____
- 3 _____

(3 markah)

Bahagian M: Lukis dan warnakan Jalur Gemilang.

(4 markah)

Soalan Tamat

PENILAIAN	MARKAH
Komunikasi	/ 5
Kerajinan / Kerja harian	/ 5
Kelakuan / sikap	/ 5
Kebersihan	/ 5
JUMLAH	/ 20